



Rujukan Kami : JANM.500-4/6/2 JLD.4 (3)
Tarikh : 13 Februari 2025

Ketua Setiausaha Kementerian

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/ Negeri/ Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN PENOLONG AKAUNTAN (PELBAGAI GRED) DAN PEMBANTU AKAUNTAN (PELBAGAI GRED) DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan Urusan Kenaikan Pangkat jawatan Penolong Akauntan (Pelbagai Gred) dan Pembantu Akauntan (Pelbagai Gred) seperti berikut:

- 2.1 Urusan Kenaikan Pangkat Penolong Akauntan W6 ke W7;
- 2.2 Urusan Kenaikan Pangkat Penolong Akauntan W5 ke W6; dan
- 2.3 Urusan Kenaikan Pangkat Pembantu Akauntan W1 ke W2

3. Permohonan urusan kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1 Telah memangku gred kenaikan pangkat **pada 2 Januari 2024 sehingga 31 Oktober 2024;** dan
- 3.2 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4. Semua permohonan kenaikan pangkat perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem Pengurusan Kerjaya Jabatan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (iSPK-AG) melalui capaian <https://ispk.anm.gov.my>. Pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan perlu melengkapkan permohonan pegawai dengan memuat naik maklumat dan dokumen-dokumen seperti berikut dalam Sistem iSPK-AG:

- 4.1 Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) pegawai yang telah dikemas kini dan terkini;
- 4.2 Salinan Kelulusan Tapisan Keutuhan SPRM;
- 4.3 Perakuan tatatertib;
- 4.4 Salinan Pinjaman Pendidikan;
- 4.5 Salinan Pengisytiharan harta dan
- 4.6 Salinan Laporan Penilaian Presasi (LNPT) bagi Tahun 2022, 2023 dan 2024.

5. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Permohonan Urusan Pemangku/ Kenaikan Pangkat melalui Modul Perkhidmatan iSPK-AG dan Manual Pengguna (Pegawai Skim Perakaunan dan Gunasama JANM) iSPK-AG melalui pautan : [KLIK DI SINI](#) untuk rujukan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan jua. Permohonan urusan kenaikan pangkat ini perlu dihantar melalui sistem iSPK-AG **sebelum atau pada 14 Mac 2025 (Jumaat)**.

6. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 3 sahaja yang disahkan di dalam sistem iSPK-AG**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses**.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan kenaikan pangkat ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

BIL	Nama Pegawai	No. Telefon	E-mel Jabaan @anm.gov.my
1.	Puan Jesseca Anak Randi	03-88821094	jesseca.randi
2.	Puan Nurul Asma binti Nordin	03-88821060	nurul.asma
3.	Puan Puteri Nazatul Natrah binti Azizan	03-88821093	puteri.azizan

8. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



[FARA WAHEEDAH BINTI AHMAD]

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
b.p Akauntan Negara Malaysia
Tel. : 03-8882 1100
E-mel : waheedah@anm.gov.my

s.k

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia